

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH  
BINTI WAN ISMAIL  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan pengumuman Peguam Negara dan Ketua Polis Negara bagi membuka penyiasatan ke atas 1MDB, apakah kabinet telah menggariskan terma dan syarat penyiasatan tersebut dan sejauh manakah jaminan Perdana Menteri tidak akan campur tangan terhadap penyiasatan tersebut.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Segala siasatan, sama ada yang telah, sedang atau yang akan dilaksanakan oleh mana-mana agensi pelaksana seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah dijalankan secara profesional, bebas dan berintegriti tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.